



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNKK)

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JIEN
TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, HAL EHWAL
PENGGUNA**

DI

PROGRAM 1st STEP SSM

PADA

23 JULAI 2018 (ISNIN)

TEMPAT

SEK MEN TEKNIK JOHOR BAHRU

Salam Sejahtera

**Terima Kasih Saudara/Saudari
Pengacara Majlis;**

Salutasi

Para Hadirin yang Dihormati Sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan salam daripada YB Dato' Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna. Beliau tidak dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini kerana kekangan tugas dan tanggungjawab lain yang tidak dapat dielakkan. Justeru, saya telah diamanatkan oleh beliau untuk

mewakili beliau bagi merasmikan majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya telah difahamkan bahawa program ini bukanlah program baharu yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia bersama Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional, tetapi program ini adalah rentetan daripada program jelajah 1st Step untuk siri yang ke-5 sejak mula diperkenalkan pada tahun ini.

3. Ia telah dilaksanakan oleh pihak SSM dengan jayanya dan ia memberi

banyak manfaat kepada para pelajar, ke arah melahirkan usahawan yang hebat pada masa hadapan.

4. Saya berpendapat bahawa program 1st Step ini merupakan satu inisiatif yang baik untuk membentuk generasi yang hebat dan akan membawa Malaysia baru yang kita cintai ini ke arah yang lebih baik.

5. Lebih-lebih lagi, ia juga selaras dengan manifesto kerajaan untuk membangunkan aliran teknik dan vokasional ini agar benar-benar

setaraf dengan aliran lain dan bukan lagi sebagai pilihan kedua.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Zaman bergelar pelajar ini merupakan zaman yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk mencari ilmu sebanyak mungkin sebagai bekalan untuk mengharungi kehidupan pada masa hadapan.

7. Suasana pendidikan pada masa kini jauh berbeza dengan situasi pendidikan pada zaman saya dan zaman guru-guru anda dahulu. Kalau

dahulu, pendidikan merupakan satu-satunya cara untuk menempuh kejayaan, kini, dengan adanya perkembangan teknologi, kejayaan boleh dicapai dengan cara-cara yang lebih kreatif seperti menjalankan perniagaan.

- 8.** Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa sesebuah negara yang mencapai status negara maju bukan hanya berpaksikan pada semangat kewarganegaraan semata-mata, tetapi ianya mestilah berdasarkan kepada pendidikan oleh generasi seperti anda semua untuk meneruskan

kesinambungan kepimpinan dan kemakmuran negara.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

SSM merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pengguna (KPDNHEP) yang berperanan sebagai pengawal selia sektor korporat di negara ini.

Saya dimaklumkan bahawa sebelum ini SSM sering menganjurkan program melibatkan golongan sasaran iaitu golongan masyarakat yang berumur 18 tahun ke atas. Tujuannya untuk

menggalakkan mereka mendaftarkan perniagaan dan menjalankan perniagaan secara sah di sisi undang-undang.

Hari ini SSM telah menjalankan fungsi dan peranannya melangkaui kebiasaan dengan menganjurkan program 1st Step khusus untuk para pelajar sekolah aliran teknik dan vokasional.

Selaku menteri yang dilantik dan bertanggungjawab terhadap aktiviti keusahawanan di dalam negara, saya memuji langkah proaktif yang diambil oleh SSM kerana telah memulakan inisiatif memberikan pendidikan awal kepada

pelajar-pelajar sekolah mengenai ilmu keusahawanan.

Betul, hari ini anda semua merupakan pelajar sekolah. Tetapi percayalah, berkat usaha yang dilakukan oleh SSM pada hari ini, tidak mustahil anda semua mampu bergelar usahawan di usia yang muda. Saya juga percaya sebahagian daripada para pelajar yang berada di hadapan saya ini akan mengecap kejayaan dalam dunia perniagaan dan bergelar jutawan pada usia yang muda.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Mengikut rekod yang sedia ada, perniagaan yang paling popular mengikut

sektor adalah perniagaan perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal dengan angka 3,258,571. Ini diikuti dengan perniagaan dalam sektor pembinaan iaitu sebanyak 671,508 serta perniagaan dalam sektor kewangan dan insurans iaitu sebanyak 173,256.

Jadi, saya buka peluang ini untuk menyeru para pelajar menyertai perniagaan dalam sektor-sektor yang popular ini apabila hendak mengorak langkah ke dalam dunia perniagaan, ataupun buatlah perniagaan yang ada

kaitan dengan bidang yang anda semua sedang belajar atau minat.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Objektif utama penganjuran program 1st Step ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman murid-murid mengenai peranan dan fungsi SSM. Melalui slogan ‘perniagaan satu kerjaya’, SSM berusaha membentuk modul pembelajaran bagi memupuk minat dan pemahaman pelajar sekolah terhadap dunia perniagaan. Matlamatnya tidak lain dan tidak bukan untuk sematkan ke dalam diri para pelajar bahawa perniagaan merupakan salah satu bidang kerjaya

yang boleh diceburi setelah tamat persekolahan.

Hadirin sekalian,

Semasa tiba di sini sebentar tadi, saya sempat bertanya kepada YBhg. Dato' Zahrah mengenai booth-booth yang terdapat di luar dewan ini, Dato' Zahrah maklumkan kepada saya bahawa SSM telah menyediakan sebanyak 20 booth pameran agensi dan gerai jualan.

Apa yang menariknya, Dato' Zahrah maklumkan kepada saya bahawa booth-booth jualan yang ada telah dimanfaatkan

sepenuhnya oleh para pelajar di sini untuk menjual produk masing-masing. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pelajar-pelajar yang telah memulakan langkah awal untuk menjadi seorang usahawan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan perasaan gembira kerana dapat bersama pelajar-pelajar yang hebat di hadapan saya ini. Sebagai seorang bapa, saya ingin menasihati para pelajar semua agar memanfaatkan zaman persekolahan ini sebaiknya kerana kita tidak dapat menduga cabaran-cabaran yang bakal mendatang.

Lengkapkanlah diri dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat dan jangan sekali-kali bertindak biadap terhadap guru-guru yang ikhlas mencurahkan ilmu kepada anda semua. Saya doakan para pelajar sekalian menjadi insan yang berjaya kelak.

Saya sudahi ucapan saya pada hari ini dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan siri pertama jelajah program 1st STEP ini.

Sekian,

**Wabillahi taufik walhidayah, Wassalam
mua'laikum warahmatullahi
wabarakatuh.**